

**MINIT MESYUARAT
MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) BILANGAN 3 TAHUN 2024
JABATAN LANDSKAP NEGARA**

Tarikh : 18 November 2024
Masa : 9.30 pagi
**Tempat : Bilik Mesyuarat Bunga Raya
Jabatan Landskap Negara**

HADIR:

Wakil Pihak Pegawai

1. Encik Mansor bin Mohamad
Ketua Pengarah **– Pengerusi**
2. Dr. Mazifah binti Simis
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)
3. Encik Ahmad Syaharuddin bin Kamaruddin
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
4. Encik Syamsul Erwin bin Muhamad Lagis
Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan

Wakil Pihak Pekerja

1. Encik Azrel bin Ismail
Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Pengurusan Landskap **– Pengerusi
Bersama**
2. Encik Raja Faeerull Asraf bin Raja Alim
Penolong Arkitek Landskap Kanan
Bahagian Promosi dan Industri Landskap **– Setiausaha
Pihak Pekerja**
3. Encik A Danial bin Ismail
Penolong Pengarah
Bahagian Promosi dan Industri Landskap
4. Encik Mustaim bin Mat
Ketua Pembantu Tadbir
Bahagian Khidmat Pengurusan
5. Encik Ahmad Radhi bin Rossidin
Penolong Arkitek Landskap
Bahagian Taman Persekutuan

6. Puan Colina binti Awi
Penolong Arkitek Landskap
Bahagian Khidmat Teknikal

Urus Setia

1. Puan Wan Zafirah Hanim binti Wan Mohamad
Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Khidmat Pengurusan
 2. Puan Hernizawati binti Abdul Majid
Ketua Pembantu Tadbir
Bahagian Khidmat Pengurusan
 3. Encik Muhammad bin Abdul Latip
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Bahagian Khidmat Pengurusan
- Setiausaha
Pihak Pegawai**

TIDAK HADIR:

Wakil Pihak Pekerja

1. Encik Mohd Samsi bin Sumairi
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pengurusan Landskap
2. Encik Muhammad Radwan bin Yusof
Penolong Pengarah
Bahagian Khidmat Teknikal
3. Encik Ahmad Nasron bin Yusoff @ Bos'an
Penolong Juru Ukur Bahan
Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan
4. Encik Muhamad Azuha bin Ramli
Penolong Arkitek Landskap
Bahagian Pembangunan Landskap

1.0 PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1 Tuan Pengerusi mengucapkan salam dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli ke Mesyuarat MBJ JLN Bil. 3/2024.

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

- 2.1 Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Bil. 2/2024 bertarikh 18 Julai 2024 disahkan tanpa sebarang pindaan.

3.0 PERKARA – PERKARA BERBANGKIT

3.1 Cadangan Pertemuan Dengan Unit Kewangan Bagi Membincangkan Isu-Isu Berkaitan Tuntutan Bayaran

- 3.1.1 Mesyuarat dimaklumkan Wakil Pihak Pekerja telah memaklumkan kepada pihak pekerja mengenai penempatan sementara wakil cawangan Dasar dan Pembangunan di Unit Kewangan BKP bagi membantu proses tuntutan bayaran projek pembangunan.

Makluman

3.2 Permohonan Cuti Gantian Bagi Pegawai Pengurusan dan Profesional (P&P)

- 3.2.1 Mesyuarat mengambil perhatian semakan BKP dengan BSM KPKT dan MBJ KPKT dimaklumkan keputusan KSU sebelum ini mengenai cuti gantian pegawai P&P adalah muktamad.
- 3.2.2 Mesyuarat juga dijelaskan KSU memutuskan pegawai P&P dibenarkan masuk lewat dengan kebenaran selepas bertugas pada hari cuti dan layak memohon cuti gantian sekiranya bertugas lebih masa dalam program rasmi sempena cuti pelepasan am.

Makluman

3.3 Pemilihan Bidang Selain Daripada Senibina Landskap Bagi Permohonan Sambung Belajar Pegawai Pelaksana

- 3.3.1 Mesyuarat dimaklumkan minit mesyuarat berkaitan keputusan KP JLN mengenai permohonan sambung belajar telah diedarkan kepada semua Pengarah Bahagian.

Makluman

3.4 Prosedur Kelulusan/Mendapat Kelulusan Bertulis Untuk Menyambung Pengajian Pegawai

- 3.4.1 Mesyuarat dijelaskan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2007, Kemudahan Cuti Kursus Sambilan (CKS) Kepada Pegawai Yang Mengikuti Pengajian Secara Sambilan Di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Dalam Negara menetapkan bahawa pegawai perlu mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan untuk mengikuti Pengajian Secara Sambilan.
- 3.4.2 Mesyuarat juga dimaklumkan senarai semak/garis panduan bagi permohonan cuti belajar pegawai boleh dirujuk kepada Surat Pekeliling Perkhidmatan Awam Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar Kepada Pegawai Awam Yang Mengikuti Kursus Jangka Sederhana Dan Kursus Jangka Panjang Secara Sepenuh Masa.
- 3.4.3 Mesyuarat turut mengambil perhatian ketetapan jabatan supaya pegawai memohon melalui Pengarah Bahagian bagi mendapatkan kelulusan bertulis Ketua Jabatan.

Makluman

3.5 Permohonan Untuk Jabatan Melaksanakan Peningkatan Secara Lantikan (PSL) Bagi Kumpulan Pelaksana Ke Gred J41

- 3.5.1 Mesyuarat dijelaskan Surat Pekeliling Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Bil. 1 Tahun 2022 (Garis Panduan Permohonan Pengisian Kekosongan Jawatan) dan Bil. 1 Tahun 2024 (Panduan dan Perancangan Permohonan Pengisian Jawatan Tahun 2024) menetapkan kaedah permohonan ke jawatan lebih tinggi pada gred lantikan daripada pegawai PSL adalah sama dengan calon-calon Lantikan Terus iaitu dilaksanakan secara dalam talian menerusi portal SPA.
- 3.5.2 Pengerusi menasihatkan calon jabatan yang layak supaya membuat persediaan temuduga dengan mendapatkan maklumat berkaitan urusan perkhidmatan dan skop tugas JLN.

Makluman

4.0 USUL-USUL BAHARU

4.1 Pengesahan Status Fleksi/Hakiki Pegawai P&P Gred 41/44 Selepas Pelaksanaan SSPA

- 4.1.1 Mesyuarat diminta menjelaskan status fleksi/hakiki pegawai gred 41/44 selepas pelaksanaan SSPA.
- 4.1.2 Mesyuarat dijelaskan pelaksanaan SSPA tidak mengubah gred kenaikan pangkat pegawai Arkitek Landskap (fleksi J44 (SSPA: fleksi J10)). Mesyuarat juga dimaklumkan inisiatif kemajuan kerjaya SSPA bagi Peluasan Jawatan Gred Fleksi tidak melibatkan skim Arkitek Landskap.
- 4.1.3 Mesyuarat turut dimaklumkan kenaikan pangkat Arkitek Landskap J41 ke J44 dibuat secara fleksi kerana perjawatan gred J44 JLN hanya sebanyak 7 jawatan manakala jawatan fleksi adalah sebanyak 41 perjawatan. Penempatan pegawai di gred hakiki J44 adalah berdasarkan keputusan Panel Pengurusan Sumber Manusia JLN.

Makluman

5.0 HAL-HAL LAIN

5.1 Prosedur Tuntutan Perjalanan

- 5.1.1 Mesyuarat diminta mengesahkan sama ada tuntutan dikira mengikut jarak terdekat walaupun jalan yang terdekat tiada tol sedangkan pegawai melalui jalan tol.
- 5.1.2 Mesyuarat dijelaskan berdasarkan Soalan Lazim Pekeliling Perbendaharaan Berkaitan Saraan dan Kemudahan Pegawai Perkhidmatan Awam Keluaran Jilid 1 Edisi 2021, pengiraan elaun perjalanan kenderaan mengikut prinsip jarak terdekat adalah selaras dengan syarat am di Perenggan 19(a), Perintah Am Bab B Tahun 1974 yang menyatakan tentang "perjalanan mengikut mana yang sehabis dekat dan murah dengan cara pengangkutan yang bersesuaian dengan kecekapan."
- 5.1.3 Mesyuarat dimaklumkan walaupun pegawai telah kemukakan peta jarak pada tuntutan tersebut, pengiraan jarak akan dikira paling terdekat. Namun begitu, bayaran tol akan dibayar berdasarkan resit tol yang dikemukakan oleh pegawai.

Makluman

5.2 Penerimaan Sijil Penghargaan MBJ Tahun 2023 oleh JPA

5.2.1 Mesyuarat dimaklumkan baru-baru ini JLN telah menerima Sijil Penghargaan MBJ daripada JPA bagi menghargai komitmen JLN dalam melaksanakan mesyuarat MBJ pada tahun 2023 mengikut bilangan dan tempoh yang ditetapkan dalam PPSM Ceraian P.O 4.2.1: Dasar Hubungan Majikan-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam - Majlis Bersama Jabatan.

Makluman

6.0 PENUTUP

6.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah hadir ke mesyuarat kali ini dan mesyuarat tamat pada jam 10.10 pagi.


Disediakan oleh:



19/11/24

WAN ZAFIRAH HANIM BINTI WAN MOHAMAD

Setiausaha Pihak Pegawai MBJ JLN



20/11/24

RAJA FAEERULL ASRAF BIN RAJA ALIM

Setiausaha Pihak Pekerja MBJ JLN